

"Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab"

Ruj. Tuan:
Ruj.Kami : JKNJ(K)30(4)/156 Jld.7(58)
Tarikh : 21 Ogos 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBrs.Dr/ Tuan/ Puan,

PENGUKUHAN PELAPORAN RAWATAN PESAKIT HIV DAN HEPATITIS C MENGGUNAKAN SISTEM *My HIV CARE CASCADE* (MyHCC) NEGERI JOHOR

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat dari Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia no. ruj. KKM.600-29/4/115Jld. (04) bertarikh 30 Julai 2024 adalah berkaitan.

2. Sebagaimana YBrs.Dr/ Tuan/ Puan, sedia maklum, Unit HIV/STI/Hepatitis C, pangkalan data bagi pemantauan kes HIV dan Hepatitis C ini telah dibangunkan bermula dari tahun 2022 yang bertujuan untuk mengemaskini dan memantau data kes HIV dan Hepatitis C yang sedang dalam rawatan di fasiliti kesihatan yang merawat. Sistem ini juga dijalankan bagi pemantauan program PrEP dan *Prevention of Mother to Child Transmission* (PMTCT).

3. Bagi mengukuhkan lagi pelaporan rawatan menggunakan sistem MyHCC, adalah **AMAT DIGALAKKAN** bagi semua fasiliti kesihatan kerajaan yang terlibat dalam pengurusan kes HIV dan Hepatitis C bagi memanfaatkan sistem ini dengan memastikan semua kes dimuatnaik dan dikemaskini dari semasa ke semasa.


4. Sehubungan itu, berikut adalah langkah yang akan diambil bagi mengukuhkan pelaporan menggunakan sistem ini di negeri Johor.

a. Fasa 1 (1 September 2024 hingga 31 Disember 2024)


i. Pengisian semua kes PLHIV dan Hepatitis C di dalam *linelisting* di fasiliti kesihatan. Kedua-dua sistem MyHCC dan *Linelisting PLHIV* masih digunakan di dalam fasa ini bagi memastikan tiada keciciran kes yang tidak di masukkan di dalam sistem.

ii. Semua kes yang hadir bagi rawatan susulan atau kes baru memulakan rawatan **WAJIB** dikemaskini di dalam sistem MyHCC dan *Linelisting PLHIV*.

iii. Semua kes yang berpindah tempat rawatan di dalam atau di luar negeri Johor perlu dikemaskini di dalam sistem.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO:QMS 02301



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO:QMS 02301

b. Fasa 2 (Bermula 1 Januari 2025)

i. Penggunaan sistem MyHCC **SAHAJA** bagi pemantauan rawatan pesakit HIV dan Hepatitis C. *Linelistig PLHIV* tidak lagi digunakan bagi mengurangkan beban pelaporan dan meningkatkan kualiti maklumat di dalam pangkalan data.

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan sila hubungi, Dr. Muhammad Naqib Bin Mohamed, Unit HIV/STI/Hepatitis C, Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Negeri Johor di talian 012-6367377 atau 07-2352205. Kerjasama pihak YBrs.Dr/ Tuan/ Puan, amatlah dihargai dan didahului dengan ribuan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DR. SITI KHATIJAH BINTI ABDUL RAHIM) MMC:36955
(Pakar Perubatan Kesihatan Awam)
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)

Samb.Tel : 3302
Email : drsitikhatijah@moh.gov.my
DrHaqib/Atan/suratAmHIV

SENARAI EDARAN

Pengarah Hospital

Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru / Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar /
Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang

Pegawai Kesihatan Daerah

Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru / Kota Tinggi / Kulai / Mersing / Muar / Batu
Pahat / Segamat / Pontian / Tangkak / Kluang



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(Ministry Of Health Malaysia)
BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT,
ARAS 3, 4 DAN 6, BLOK E 10, KOMPLEKS E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62590 PUTRAJAYA,
MALAYSIA.

No. Tel. : 03-80008000
No. Faks : 03-88880643
Website : <http://www.moh.gov.my>

Ruj. Kami : KKM.600-29/4/115 Jld. (04)

Tarikh : 30 Julai 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk, Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan

PENGUKUHAN PELAPORAN RAWATAN PESAKIT HIV/ HEPATITIS C MENGUNAKAN SISTEM *My HIV CARE CASCADE* (MHCC)

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia No. Ruj: KKM.600-29/4/115 Jld. 2 (97) bertarikh 9 Mei 2023 adalah berkaitan.

2. Seperti mana YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, Sektor HIV/STI/Hepatitis C, Kementerian Kesihatan Malaysia telah membangunkan pangkalan data pemantauan kes HIV dan Hepatitis C atau *MyHIV Care Cascade* (MHCC) secara online bermula tahun 2022 sebagai projek rintis dan diperluaskan pada tahun 2023. Ia bertujuan untuk mengemaskini dan memantau data kes HIV dan Hepatitis C yang sedang dalam rawatan di fasiliti kesihatan yang merawat. Terkini, ia juga telah diperluaskan untuk program PrEP.

3. Pangkalan data ini telah digunakan di kebanyakan klinik kesihatan dan hospital kerajaan seperti yang diarahkan. Bahagian Kawalan Penyakit mengucapkan syabas dan tahniah di atas komitmen dan kerjasama yang diberikan oleh semua fasiliti yang terlibat. Sehingga 15 Julai 2024, pencapaian data yang ditunjukkan dalam sistem MHCC adalah:

- i. Fasiliti kesihatan yang memasukkan data rawatan: 1,206
(Klinik Kesihatan: 1,076, Hospital: 130)
Pembahagian mengikut negeri seperti di Lampiran 1.
- ii. Kes HIV aktif: 29,070
- iii. Kes HIV dalam rawatan: 24,958
- iv. Kes Hepatitis C aktif: 7,784
- v. Kes Hepatitis C yang mengambil rawatan: 6,461
- vi. Rawatan PrEP: 5,320

4. Untuk makluman, sistem MHCC juga akan diintegrasikan dengan pangkalan data eNCDC (*Electronic National Centre of Disease Control Public Health Information System*) yang meliputi semua data program kawalan penyakit. Penggunaan sistem MHCC ini **AMAT DIGALAKKAN** di semua fasiliti kesihatan kerajaan (klinik kesihatan dan hospital) bertujuan untuk:

- i. memantapkan pengurusan data pesakit HIV, Hepatitis C, PrEP, PMTCT HIV dan PMTCT Sifilis;
- ii. data yang mudah dicapai oleh perawat bagi tujuan pemantauan status pesakit;
- iii. pemantauan berterusan dan tindakan segera dapat dilakukan sekiranya pesakit tidak hadir temujanji; dan
- iv. pemantauan secara telus oleh pihak Sektor berkenaan jumlah pesakit yang sedang mendapatkan rawatan beserta keberkesanan rawatan dan program yang dilaksanakan.

5. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh dikemukakan kepada Dr Siti Nor Mat di talian 03-8883 4271 / dr.sitior@moh.gov.my atau En. Wan Mohd Nasrun Bin Wan Sulaiman di talian 03-8883 4398 / wmnasrun@moh.gov.my.

6. Justeru, YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dipohon untuk memaklumkan perkara ini kepada fasiliti kesihatan di bawah tanggungjawab masing-masing. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

" MALAYSIA MADANI "

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. THILAKA A/P CHINNAYAH)
Pengarah Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.

Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Sektor HIV/ STI/ Hepatits C
Bahagian Kawalan Penyakit,
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN

1. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
2. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
3. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
4. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
5. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
6. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
7. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
8. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
9. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
10. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
11. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
12. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
13. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
14. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

15. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan
16. Pengarah
Hospital Kuala Lumpur
17. Ketua Kepakaran Penyakit Berjangkit
Kementerian Kesihatan Malaysia
(u.p. Datuk Dr Suresh Kumar
Pakar Perunding Kanan Penyakit Berjangkit,
Hospital Sungai Buloh)
18. Ketua Subkepakaran Gastroenterologi dan Hepatologi
Kementerian Kesihatan Malaysia
(u.p. Dr. Kiew Kuang Kiat
Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah)
19. Ketua Kepakaran Perubatan Dalaman
Kementerian Kesihatan Malaysia
(u.p. Dr Cheah Wee Kooi
Pakar Perunding Perubatan Dalaman dan Geriatrik,
Hospital Taiping, Perak)
20. Ketua Kepakaran Perubatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia
(u.p Dr Nik Mazlina binti Mohammad)

LAMPIRAN 1

Bilangan fasiliti kesihatan yang memasukkan data dalam MyHCC mengikut negeri sehingga Julai 2024.

NEGERI	Klinik Kesihatan	Hospital	Jumlah
Johor	103	0	103
Kedah	78	4	82
Kelantan	69	10	79
Melaka	38	3	41
Negeri Sembilan	51	4	55
Pahang	106	14	120
Perak	97	18	115
Perlis	9	4	13
Pulau Pinang	41	7	48
Sabah	42	24	66
Sarawak	267	21	288
Selangor	91	13	104
Terengganu	52	5	57
WP Kuala Lumpur	27	3	30
WP Labuan	1	0	1
WP Putrajaya	4	0	4
JUMLAH	1076	130	1206